



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**

**BAGI STATISTIK PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA (SITS) 2023**

---

**Eksport perkhidmatan Malaysia melonjak 37.9 peratus, mencecah RM195.0 bilion pada 2023, dipacu oleh Perjalanan dan Pengangkutan.**

**PUTRAJAYA, 26 JUN 2024** – Jumlah perdagangan perkhidmatan Malaysia merekodkan RM433.2 bilion pada 2023, menyumbang 23.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga semasa. Defisit dalam perdagangan perkhidmatan bertambah baik dengan defisit yang lebih rendah kepada RM43.2 bilion berbanding RM58.2 bilion pada 2022, seperti yang dilaporkan pada hari ini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam **Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa (SITS) 2023** pada hari ini.

Menurut Ketua Perangkawalan Malaysia, “Defisit yang lebih rendah dalam perdagangan perkhidmatan Malaysia telah melepas tahap pandemik, RM47.2 bilion pada 2020. Eksport perkhidmatan berkembang sebanyak 37.9 peratus kepada RM195.0 bilion (2022: RM141.1 bilion). Sementara itu, import perkhidmatan meningkat sebanyak 19.3 peratus kepada RM238.2 bilion berbanding tahun sebelumnya (2022: RM199.6 bilion).”

Perjalanan, yang merupakan penyumbang utama kepada perdagangan perkhidmatan, masih dalam proses pemuliharaan untuk mencapai tahap sebelum pandemik. Perjalanan pada 2023 mencatatkan lebihan sebanyak RM17.1 bilion selepas merekodkan defisit selama tiga tahun berturut-turut, disokong oleh perbelanjaan yang tinggi daripada pelancong asing di Malaysia. Eksport Perjalanan melonjak dengan signifikan kepada RM68.0 bilion pada 2023 berbanding RM28.7 bilion pada tahun sebelumnya. Hal ini selari dengan peningkatan dalam ketibaan pelancong yang menghampiri 100 peratus iaitu daripada 10.1 juta orang

pada tahun sebelumnya kepada 20.1 juta orang. Begitu juga dengan import Perjalanan yang meningkat daripada RM29.9 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM50.9 bilion pada 2023.

Pengurangan defisit dalam perdagangan perkhidmatan juga didorong oleh Pengangkutan yang merekodkan defisit yang lebih rendah RM31.4 bilion pada 2023 berbanding RM34.2 bilion pada 2022. Eksport Pengangkutan melonjak kepada RM30.8 bilion berbanding RM26.6 bilion pada 2022, disumbangkan oleh Pengangkutan udara dan laut. Begitu juga dengan import Pengangkutan yang meningkat daripada RM60.8 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM62.3 bilion pada 2023, didominasi oleh Aktiviti muatan.

Di samping itu, eksport Perkhidmatan perniagaan lain yang juga mencatatkan defisit sebanyak RM17.0 bilion pada 2023, kekal sebagai penyumbang kedua tertinggi kepada eksport perkhidmatan selepas Perjalanan. Eksport kepada komponen ini menyumbang sebanyak RM36.8 bilion pada 2023 (2022: RM31.6 bilion), didominasi oleh Perkhidmatan profesional dan rundingan pengurusan. Manakala, import meningkat kepada RM53.8 bilion (2022: RM47.5 bilion), didorong oleh Perkhidmatan teknikal, berkaitan perdagangan dan perniagaan lain.

**Singapura** merupakan destinasi utama bagi **eksport perkhidmatan** Malaysia dengan nilai RM55.3 bilion berbanding RM37.5 bilion pada tahun sebelumnya, terutamanya daripada Perjalanan, Perkhidmatan perniagaan lain dan Pengangkutan. Amerika Syarikat (USA) merupakan negara kedua bagi destinasi eksport tertinggi dengan mencatatkan RM36.6 bilion, diikuti China dengan RM12.9 bilion.

Pada masa yang sama, **USA** merupakan negara utama untuk **import perkhidmatan** dengan nilai sebanyak RM76.1 bilion pada 2023, terutamanya daripada Perjalanan, Perkhidmatan perniagaan lain dan Pengangkutan. Ini diikuti oleh Singapura dengan nilai RM41.3 bilion dan United Kingdom dengan RM13.3 bilion.

Ketua Perangkawan Malaysia merumuskan bahawa, "Secara keseluruhannya, pencapaian perdagangan perkhidmatan Malaysia pada 2023 menunjukkan


perkembangan yang signifikan, selari dengan trend global. Berdasarkan *Global Trade Update* yang diterbitkan oleh *UN Trade & Development* (UNCTAD) pada Mac 2024, perdagangan perkhidmatan global menunjukkan daya tahan pada 2023 sebanyak *USD500* bilion atau peningkatan 8 peratus dari 2022, yang disumbangkan oleh Perkhidmatan perjalanan dan pelancongan.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Carta 1: Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa Malaysia, 2015-2023**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
26 JUN 2024**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
FOR STATISTICS OF INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES (SITS) 2023**

***Malaysia's services exports surged 37.9 per cent, reaching RM195.0 billion in 2023, driven by Travel and Transport***

**PUTRAJAYA, 26 June 2024** – Malaysia's total trade in services registered RM433.2 billion in 2023, representing 23.8 per cent of Gross Domestic Product (GDP) at current prices. The deficit in services for year 2023 improved to a lower deficit of RM43.2 billion as against a deficit of RM58.2 billion in 2022, as reported today by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in the **Statistics of International Trade in Services (SITS) 2023**.

According to the Chief Statistician of Malaysia, “The lower services trade deficit in 2023 was surpassed the pandemic level of RM47.2 billion in 2020. Exports of services grew by 37.9 per cent to RM195.0 billion (2022: RM141.4 billion). In the meantime, imports of services rose by 19.3 per cent to RM238.2 billion from the preceding year (2022: RM199.6 billion).”

Travel, the main contributor to the services trade, is still catching up to almost pre-pandemic highs. Travel in 2023 improved to a surplus of RM17.1 billion after recording a deficit for three consecutive years, strongly supported by higher foreign tourist spending in Malaysia. Exports of Travel rebounded significantly to RM68.0 billion as compared to RM28.7 billion in the previous year. This is in line with the increased in tourist arrivals by almost 100.0 per cent from 10.1 million persons in the previous year to 20.1 million persons. Similarly, imports of Travel also expanded from RM29.9 billion in the previous year to RM50.9 billion in 2023.

The narrowing deficit in services trade also driven by Transport which registered a lower deficit of RM31.4 billion in 2023 as compared to RM34.2 billion in the previous

year. Exports of Transport surged RM30.8 billion as against RM26.6 billion in 2022, mainly contributed by air and sea transports. Similarly, imports of Transport grew from RM60.8 billion in the previous year to RM62.3 billion in 2023, dominated by freight activities.

Besides that, Other business services which posted a deficit of RM17.0 billion in 2023 remained the second top contributor to the services export after Travel. Exports of this component amounted to RM36.8 billion in 2023 (2022: RM31.6 billion), predominantly in Professional & management consulting activities. Concurrently, the imports increased to RM53.8 billion (2022: RM47.5 billion), impelled by Technical, trade-related & other business services.

**Singapore** was the primary destination for Malaysia's **services export** with a value of RM55.3 billion as compared to RM37.5 billion in the previous year, mainly in Travel, Other business services and Transport. The United States of America (USA) ranked the second highest export destination with RM36.6 billion, followed by China with RM12.9 billion.

In the meantime, the **USA** became the main sources for **services import** valued at RM76.1 billion in 2023, particularly in Travel, Other business services and Transport. This was followed by Singapore with a value of RM41.3 billion and the United Kingdom with RM13.3 billion.


The Chief Statistician of Malaysia concludes, "Overall, Malaysia's services trade performance in 2023 demonstrated significant growth, aligning with global trends. According to the Global Trade Update issued by UN Trade & Development (UNCTAD) in March 2024, the global services trade sector demonstrated resilience in 2023 with USD500 billion or 8 per cent increase from 2022, driven by tourism and travel-related activities."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

**Chart 1: Malaysia's International Trade in Services, 2015-2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
26 JUNE 2024**